

**Malaysia Jangka Eksport Nanas Dan Nangka Ke Zhanjiang, China**  
**Bernamea**  
**05 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 5 Julai Bernama) -- Malaysia akan mengeksport buah nanas dan nangka ke Zhanjiang, di barat daya wilayah Guangdong, China tahun depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Hashim Abdullah berkata Malaysia kini mengeluarkan 40,000 tan metrik nanas setahun dan 30,000 tan metrik nangka setahun.

"Kita mempunyai kualiti pengeluaran yang menepati syarat China. Kini, kami hanya menunggu pertimbangan dari General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine (AQSIQ).

"Kami telah menghantar dokumen yang diperlukan dan semasa lawatan menteri ke China tahun lepas, Menteri China memberikan jaminan akan mempercepat proses dan kami harap dapat kelulusan dalam tahun ini.

"Ini merupakan hasrat kementerian untuk menjadikan Zhanjiang sebagai antara pintu masuk produk Malaysia ke China," katanya pada sidang media selepas menerima kunjungan delegasi Zhanjiang di Wisma Tani di sini pada Khamis.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678348>